

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 18/07/2017

Edisi / Muka Surat : Nasional / 9

SINAR HARIAN • SELASA 18 JULAI 2017

NASIONAL

IBR: SPRM puji kesungguhan Angkasa

PETALING JAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memuji kesungguhan ditunjukkan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dalam mendatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) semalam.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM Datuk Shamshun Baharin berkata, inisiatif

Angkasa ini memperlihatkan keseriusan agensi itu dalam memastikan pentadbirannya bebas daripada gejala rasuah dan salah guna kuasa.

"Kesungguhan dan betapa seriusnya Angkasa dalam memerangi gejala rasuah kerana agensi ini sendiri telah menubuhkan unit integriti yang berperanan memastikan setiap kakitangannya bebas rasuah.

"Angkasa turut menghantar empat pegawaianya mengikuti kursus Pegawai Integriti Bertauliah dikelolai SPRM sendiri," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani IBR oleh Angkasa, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Henry Sum Agong.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia